

13 JUL 1998

Mahathir-Kosovo

MASYARAKAT ANTARABANGSA MESTI SOKONG TUNTUTAN KEMERDEKAAN KOSOVO

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata masyarakat antarabangsa hendaklah menyokong etnik Albania yang menuntut kemerdekaan wilayah Kosovo daripada Serbia.

Katanya tidak ada sebab mengapa etnik Albania yang menuntut kemerdekaan wilayah Kosovo tidak boleh diberi kemerdekaan sedangkan wilayah lain di bekas negara yang dahulunya dikenali sebagai Yugoslavia itu diberi kemerdekaan.

"Yugoslavia kini tidak lagi merupakan sebuah negara. Ia sudah berpecah kepada beberapa buah negara yang sekarang ini bebas merdeka," katanya kepada pemberita di Angkasapuri di sini hari ini selepas menyertai rakaman satu rancangan televisyen.

Dr Mahathir berkata masyarakat etnik Albania bukanlah sekumpulan etnik yang sama dengan Serbia malah mempunyai agama yang berbeza, iaitu Islam.

"Jadi saya berpendapat sepertimana Slovenia boleh diberi kemerdekaan, Croatia boleh diberi kemerdekaan, Macedonia diberi kemerdekaan, saya fikir Kosovo juga harus diberi kemerdekaan.

"Dan masyarakat antarabangsa mestilah menyokong tuntutan kemerdekaan oleh Kosovo" katanya.

Perdana Menteri berkata walaupun Malaysia secara prinsipnya tidak menyokong pemisahan mana-mana wilayah daripada sesebuah negara, tuntutan kemerdekaan wilayah Kosovo itu wajar kerana wilayah lain di kawasan itu telah mendapat kemerdekaan.

-- BERNAMA

HS NMO